

300 nelayan menuntut percepat ganti rugi

Oleh Umi Nadirah Abdul Rahman

2010/12/20

Kes minyak tumpah rosakkan alat pancing

PENGERANG: Selepas hampir tujuh bulan kejadian tumpahan minyak berlaku di sini, lebih 300 nelayan yang terbabit sekali lagi menyuarakan hasrat mereka supaya tuntutan ganti rugi yang dibuat ke atas kerosakan bot dan peralatan memancing dipercepatkan bayarannya.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Pengerang, Abu Bakar Mohammad, 62, berkata tuntutan daripada syarikat yang terbabit melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) berkenaan wajar dipercepatkan bagi memberi peluang mereka meraih pendapatan seperti biasa semula.

Beliau berkata, pihaknya menganggarkan jumlah yang dituntut daripada setiap nelayan yang terjejas menjangkau RM1,000 seorang dengan anggaran jumlah tuntutan adalah kira-kira RM1 juta membabitkan lima hari tuntutan.

"Tuntutan yang dibuat adalah berbeza daripada setiap nelayan dan kita memandang serius perkara ini, apatah lagi ia menjejaskan pendapatan mereka yang sebelum ini lebih baik berbanding sejak kejadian tumpahan minyak berlaku.

"Justeru, saya berharap tuntutan yang dibuat dapat diselesaikan secepat mungkin berikutan pelbagai peralatan memancing termasuk pukut dicemari kesan tumpahan minyak berkenaan, sekali gus menjejaskan pendapatan mereka," katanya ketika ditemui di sini.

Pada 25 Mei lalu, kira-kira 2,000 tan minyak mentah tumpah selepas sebuah kapal tangki Malaysia berlanggar dengan sebuah kapal kargo pada jam 6.05 pagi, mengakibatkan sisi kiri kapal MT Bunga Kelana 3 yang membawa kira-kira 61,800 tan minyak mentah, robek sepanjang 10 meter, manakala kapal kargo MV Waily hanya mengalami kerosakan kecil.

Kejadian yang berlaku di kira-kira empat batu nautika barat daya Tanjung Stapa, Pengerang, Kota Tinggi dan 3.7 batu nautika dari perairan Singapura berkenaan turut memberi kesan mendalam terhadap mata pencarian nelayan selama ini.